

Ketinggian Bidang Terjemahan Sebagai Satu Manifestasi Bangsa Berilmu: Pengajaran Dari Tamadun Awal Islam¹

Ratna Roshida Ab. Razak &
Aiza Maslan @ Baharudin

Abstract: If we could recall the Islamic glorious era between the 8th to the 14th centuries, we could also have remembered the high standard of knowledge prevailing in that era which have made Islam one of the greatest civilizations in the world. The love and thirst for knowledge possessed by the rulers at the time had been a contributing factor towards such glory. Their direct and specific involvements had led to the evolvement of diversity of knowledge like science, philosophy, astronomy and the knowledge of religion. Not only that, such condition had also placed the fields of translation and its activities at the highest rank and the most significant spot, serving as the initiatives made to bring in knowledge from the outside. It is not surprising then, that translating activities in this splendid era of Islam had reached its extraordinary peak. This resulted in the fact that the knowledge of philosophy and theology, to name a few had developed and further reached remarkable achievements. In the historical context of Islam in the Malay Archipelago, the Malay religious scholars' capabilities in translating religious books and scriptures were also notable. Their contributions had been seen to be very meaningful as these translated books and scriptures were later made into text books and main referential resources in the religious studies in Malaya. In relation to this, this paper seeks to examine the relationship between the remarkable standard of the society's knowledge with the translation industry to see how closely related these are by looking at various examples that have

demonstrated this relationship in the Islamic Civilization. This is considered to be pivotal, for it to be an effort in ascertaining the preservation of the Malay race as a knowledgeable race, especially in the borderless world of our globalized age.

Key Words: *Islamic Civilization, Andalusia, The Malay Archipelago/Universe, preservation, translation, the Malay race.*

Pendahuluan

Di dalam tamadun awal Islam, bidang penterjemahan telah bermula seawal kerajaan bani Umayyah (661-1750M) dan diteruskan pada zaman bani Abbasiyyah. Tamadun awal Islam dalam perbincangan ini akan lebih memfokuskan kepada zaman Andalusia kerana zaman ini dianggap 'the Golden age of Islamic Civilization' dan disusuli dengan zaman kegemilangan Alam Melayu.

Antara ciri utama keagungan yang dicapai pada zaman ini ialah kemajuan mereka dalam bidang ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan ini meliputi ilmu yang diperoleh secara langsung dari ajaran Islam itu sendiri seperti ilmu tauhid, fiqah, tasawuf, atau ilmu yang diwarisi dari tamadun Arab seperti ilmu bahasa dan juga ilmu yang diwarisi daripada tamadun manusia sejagat seperti falsafah, sains, matematik, perubatan dan sebagainya.² Pada masa ini juga terserlah kehebatan aktiviti penterjemahan.

Usaha pemindahan ilmu menjadi semakin rancak apabila mendapat dorongan yang besar daripada pemerintah ketika itu iaitu Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775). Beliau telah membawa para penterjemah bagi bidang-bidang seperti perubatan, ilmu falak dan ilmu politik yang kebanyakan dari bahasa Yunani, Persia dan India. Antara bidang ilmu yang utama yang telah melalui proses penterjemahan ialah falsafah, sains, matematik, perubatan dan seni yang diperoleh dari peradaban Yunani, Hindu dan Parsi.³ Para penterjemah melakukan kerja-kerja terjemahan dengan kesungguhan daya usaha mereka sendiri yang banyak dirangsang oleh perasaan cinta yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan.

Terjemahan diperlukan kerana ilmu-ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh kaum Muslim tentang banyak perkara masih belum lengkap. Maka dengan cara menterjemah buku-buku asing dapat membantu menyediakan pengetahuan tersebut dalam bahasa Arab untuk diguna pakai oleh umat Islam pada ketika itu. Proses perpindahan ilmu melalui aktiviti penterjemahan ialah antara metodologi penyampaian ilmu yang utama.

Antara faktor penting dalam perkembangan dan peningkatan bidang ilmuwan pada zaman awal Islam, khususnya pada zaman Andalusia ialah aktiviti terjemahan yang dijalankan oleh penterjemah yang juga merupakan para cendekiawan. Terjemahan merupakan 'hati' kepada kehebatan kebudayaan Islam. Kerajaan Umayyah yang berpusat di Damascus telah menjadi kota yang berbudaya rakus dalam konteks memindahkan ilmu-ilmu dari tamadun luar, dan memindah ilmu dari bahasa Arab kepada bahasa luar yang dijalankan oleh orang-orang Eropah yang mula sedar tentang khazanah ilmu yang terdapat di sana. Penduduk di Cordoba pula, sama ada orang Kristian dan Yahudi, semuanya boleh berbahasa Arab sebagaimana orang Islam. Oleh hal yang demikian buku-buku di sana pun agak kurang yang diterjemahkan dari bahasa Arab ke dalam bahasa Latin kerana tiada kepentingan untuk diadakan bidang terjemahan.

Peranan Pemerintah dalam Aktiviti Terjemahan

Abu Jaafar al-Mansur merupakan khalifah Abbasiyyah yang pertama menggerakkan kegiatan penterjemahan. Antara kitab utama yang diterjemahkan ialah *Kalilah wa Dimnah*. Kitab ini telah meninggalkan pengaruh yang amat besar bukan sahaja dalam kesusasteraan Arab malah dalam kesusasteraan asing juga.

Penterjemah yang bertanggungjawab terhadap terjemahan ini ialah Abdullah ibn al-Muqaffa atau nama sebenarnya ialah Ruzbah⁴. Beliau telah menterjemah buku *Kalilah wa Dimnah* dari bahasa Sanskrit kepada bahasa Arab. Karya ini pada asalnya ialah sebuah karya Hindu yang disusun secara kemas oleh ahli falsafahnya iaitu Baydaba, dalam bahasa Sanskrit untuk Maharaja Dabsyalim. Karya ini

menggunakan haiwan sebagai watak utama.⁵ Dalam menterjemahkan karya ini Ibn Muqaffa menggunakan terjemahan bebas yang tidak terikat dalam terjemahan nya dan cuba menyesuaikan beberapa bahagian baru dalam terjemahan nya supaya selaras dengan ajaran yang terdapat dalam Islam dan selari dengan selera sasterawan tempatan pada waktu itu.⁶ Ibn Muqaffa juga telah menterjemah sebahagian daripada buku Aristotle terutama yang berkaitan dengan ilmu logik, seperti *Isagoge*, karya Porphyre dan beberapa lagi buku berkaitan dengan perubatan.⁷

Perkembangan bidang terjemahan ini banyak digerakkan oleh kesungguhan dan perhatian yang diberikan oleh golongan pemerintah yang terdiri daripada khalifah dan menteri. Anugerah dan pemberian berbentuk hadiah amat lumayan disediakan untuk para penterjemah.

Terjemahan Sebagai Manifestasi Kegemilangan Ilmu

Di dalam bidang falsafah sebagai contoh, perpindahan ilmu falsafah dari tamadun Greek ke dalam masyarakat Islam telah melahirkan minat yang mendalam dari pelbagai pihak. Antara tokoh yang sering disinonimkan dengan bidang falsafah dan digelar sebagai bapa falsafah Islam ialah al-Kindi atau nama sebenarnya Abu Yusuf Ya'aqub bin Ishak bin al-Sabah al-Kindi dari keturunan di raja Ghasasinah.⁸ Khalid bin Yazid, dikatakan pernah mempelajari ilmu kimia secara mendalam daripada seorang paderi dari Iskandariah yang bernama Maryanus. Beliau juga memerintah supaya buku-buku itu diterjemahkan ke dalam bahasa Arab.⁹

Pada zaman Harun al-Rasyid (786M-809M) beliau menggiatkan aktiviti penterjemahan buku dari bahasa Yunani dan Rom ke dalam bahasa Arab. Keprihatinan pemimpin terhadap kepentingan bidang terjemahan ini akhirnya mendorong Khalifah Harun al-Rashid untuk membina sebuah perpustakaan yang dikenali sebagai Baitul Hikmah. Perpustakaan ini hampir menyerupai sebuah universiti. Penterjemah yang terkenal pada masa itu ialah Yuhana bin Maswih, seorang yang beragama Kristian. Kaum Baramikah dari keturunan Parsi pula menterjemahkan buku-buku perubatan India ke bahasa Arab. Yahya bin Khalid al-Barmaki

telah memerintahkan penterjemah dari Iskandariah menterjemahkan buku mengenai pertanian dari bahasa Rom ke bahasa Arab dan ilmu-ilmu lain dalam bahasa Parsia seperti ilmu astronomi ke dalam bahasa Arab. Antara penterjemah Parsi pada masa itu ialah al-Fadl bin Naubakhti, Muhammad bin Jahn al-Barmaki, Zadwaih bin Shawaih, Musa bin Isa.

Mereka yang datang ke perpustakaan ini dengan pelbagai aktiviti seperti berdiskusi, mengulang kaji, menyalin buku-buku. Institusi ini telah diketuai oleh Yahya bin Maswaih dan diteruskan oleh Hunain bin Ishaq. Mereka memilih buku-buku yang mana pengetahuannya masih belum dimiliki oleh orang Islam dan membawanya ke Baghdad untuk diterjemahkan. Pada zaman ini lahirlah ramai para penterjemah dari kalangan bangsa Arab dan bukan Arab. Para penterjemah juga telah memberi keutamaan terlebih dahulu kepada pengetahuan seperti matematik, ilmu falak dan perubatan. Dalam melakukan kerja-kerja penterjemahan, umat Islam ketika itu mempunyai dua pilihan iaitu pertama menggunakan tenaga orang luar yang diupah untuk melakukan kerja-kerja penterjemahan dan yang kedua menunggu orang Islam yang dihantar untuk menguasai bahasa Yunani, betul-betul mahir tentang bahasa ini. Kebanyakan pemerintah memilihkan jalan cara yang pertama. Antara orang bukan Islam yang banyak membantu menterjemahkan buku-buku Yunani ke dalam bahasa Arab ialah Stephen Iskandarani, keluarga Masarjoyah, keluarga Bakhtaisyo' yang terdiri daripada Gorgis bin Bakhtaisya bin Gosgis dan keluarga Mesue yang terdiri daripada Mesue sendiri, anaknya John Mesue dan Mikhail Mesue.¹⁰

Di Baitul Hikmah ini juga terdapat para penterjemah dan penyalin yang bertanggungjawab untuk menterjemah khususnya buku-buku yang diperoleh oleh pemimpin mereka semasa penaklukan mereka di Cyprus, Ankara dan Amuria.

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813M-817M), aktiviti terjemahan bertambah maju. Antara program yang dilaksanakan oleh perpustakaan ini ialah memberi peruntukan harta wakaf kepada sesiapa sahaja yang mahu melakukan penterjemahan secara sepenuh masa.¹¹ Ibn Nadim pernah bercerita bahawa beliau pernah membaca surat-surat yang dikirimkan oleh al-Ma'mun kepada Raja Romawi yang

pernah dikalahkannya di dalam sebahagian dari peperangan yang pernah terjadi. Antara syarat yang telah ditetapkan sebagai salah satu usaha pendamaian ialah keizinan untuk menterjemah buku-buku yang terdapat dalam koleksi Raja Romawi. Baginda telah mengirimi suatu rombongan ahli terjemahan ke Rome seperti al-Bathriq.

Sebagai kesannya, belum sampai satu abad berdirinya pemerintahan Abbasiyyah, ulama Islam ketika itu telah memiliki ilmu tersebut dan lahirlah di antara mereka ahli-ahli hikmah dan falsafah yang tidak kurang nilainya dari ahli falsafah Yunani. Di antaranya ialah seperti Abu Yusuf Ya'akub bin Ishaq, Ahmad bin Thayyib Assarakhi, Muhammad bin Musa, Ahmad bin Musa, al-Hasan bin Musa dan Muhammad bin Musa al-Khawarizmi, tokoh yang terkenal dalam bidang al-Jabar atau algebra.

Sesudah gerakan terjemahan dan penelitian ini barulah datang peringkat penyempurnaan dan penyusunan. Tokoh-tokoh seperti Abu Nashr Muhammad bin Tharkhan al-Farabi, yang terkenal sebagai pencipta alat muzik al-Qanun yang kemudiannya diambil oleh orang Barat dan dinamakan sebagai piano. Abu Bakar Muhammad bin Zakaria al-Razi (meninggal 311H) seorang pakar dalam bidang kedokteran dan kimia, manakala Syeikh Abu Ali al-Husein bin Sina atau Aviciena (980-1037M), Abu Raihan Ahmad bin Muhammad al-Biruni (meninggal 430H) seorang pakar dalam bidang ilmu Falak dan geografi.

Ulama ketika itu giat mengarang ratusan buku-buku agar ilmu yang ada pada mereka dapat dimanfaatkan kepada orang ramai. Orang Barat yang ketika itu masih terkebelakang dalam bidang ilmu-ilmu tersebut mengambil kesempatan dengan menterjemahkan semula kitab yang ditulis di dalam bahasa Arab tadi ke dalam bahasa mereka. Pada ketika itulah ramai dari mereka yang datang dari Italy, Perancis, Jerman dan Inggeris pergi ke Sepanyol untuk mempelajari bahasa Arab bagi menterjemahkan kitab-kitab yang sedia ada. Bahasa Arab ketika itu merupakan bahasa pengantar yang digunakan terutamanya untuk golongan bijak pandai dari tiga agama utama iaitu Islam, Kristian dan Yahudi. Maka tidak hairanlah budaya kebangkitan baru pada abad ke-12 dan 13 di Eropah sering kali dikaitkan pembentukannya dengan budaya Arab.

Melalui karya-karya terjemahan banyak pengaruh orang Islam sampai kepada orang Barat. Sebagai contoh karya *Hayy Ibn Yaqzan* yang ditulis oleh Ibn Tufyal ada mengungkapkan "Manusia boleh mengetahui Allah tanpa wahyu dan guru". Ungkapan ini akhirnya telah berjaya mempengaruhi pemikiran orang Barat terutama dalam peringkat abad pertengahan yang tersebar luas di sekitar abad ke-17. Melalui buku ini Ibn Tufail Karya *Hayy Ibn Yaqzan* ini juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin oleh Roger Bacon dan diterbitkan bersamanya buku teks pada 1671.¹²

Terjemahan al-Quran juga menjadi satu perkara penting di masa kegemilangan Islam ini. Hal ini kerana orang Eropah mempunyai rasa ingin tahu yang mendalam tentang apa yang dibicarakan dalam al-Quran. Generasi awal yang penterjemah al-Quran menterjemah nya ke dalam bahasa Latin. Terjemahan nya agak bercorak saintifik dan teknologikal.¹³ Robert Ketton seorang pakar matematik bertanggungjawab untuk menterjemah karya agung al-Khawarizmi dalam bidang algebra iaitu, al-Jabar wa al-Muqabalah dan beberapa karya lain seperti al-Ziq dan al-Rakhamah dan al-Tarikh. Buku al-Jabr wa al-Muqabalah merupakan satu ringkasan kepada sebuah buku lain yang lebih tebal. Di dalamnya beliau menyebut banyak formula yang masih diguna pakai hingga ke hari ini, antaranya ialah formula tentang nilai hakiki bagi yang majhul, yang bagi beliau adalah sesuatu yang mustahil.¹⁴ Dalam era kegemilangan ilmu pada zaman Andalusia, Toledo sering dijadikan contoh sebagai sebuah pusat perkembangan ilmu yang utama. Toledo merupakan pusat utama untuk bidang terjemahan. Perpustakaan yang terdapat di sini menyimpan banyak kekayaan dari tiga agama utama iaitu Islam, Kristian dan Yahudi. Pada awal abad ke-11 Toledo menjadi kota Kristian dan dianggap sebagai sebuah kota kosmopolitan di Eropah. Apa yang unik nya kota itu didiami oleh masyarakat dari tiga agama yang berbeza iaitu Kristian, Islam dan Yahudi. Di sini juga ada terdapat 'school of translation' yang menjadi pusat terjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Latin. Bukan sahaja sarjana yang membanjiri kota Toledo tetapi para penterjemah juga turut sama menyemarakkan budaya ilmu di sini. Antara penterjemah yang terkenal ialah Peter Abelard of Bath, Gerard of Cremona, Robert of Chester, Stephenson of Saragossa, Milliam of Tunis

dan Philip of Tripoli. Gerard of Cremona sebagai contoh, datang ke Toledo untuk mempelajari bahasa Arab sebagai usaha awal untuk menterjemahkan beberapa karya penting Ibn Sina dalam bidang perubatan dari bahasa Arab ke bahasa Latin. Oleh yang demikian tidak hairanlah komoditi utama perdagangan ialah harta intelek (*intellectual property*). Bahasa yang digunakan sebagai perantaraan masyarakat antarabangsa iaitu bahasa Arab yang tidak lagi hanya menjadi bahasa untuk penyampaian agama tetapi sebagai bahasa ilmu, perpustakaan yang dibina, sama ada bersifat lama atau moden, semuanya menjadi penyumbang utama kepada kekayaan Toledo.¹⁵

Pemenang Hadiah Nobel 1979 dalam bidang Fizik, Abdus Salam dalam ucapan yang disampaikan nya di Oslo menyebut secara jelas Toledo sebagai satu manifestasi kegemilangan Tamadun Islam. Abdus Salam memberi contoh seorang sarjan berbangsa Scottish, Michael the Scot yang meninggalkan tanah airnya dan datang ke Selatan Toledo. Michael mempunyai keinginan yang tinggi untuk tinggal dan bekerja di universiti-universiti di Toledo di mana sarjana agung seperti Musa bin Maimun, ahli falsafah, ahli fizik dan juga pengkritik kepada falsafah Plato dan Aristotle ada mengajar di sana. Michael yang tiba di Toledo pada 1217 telah membentuk satu projek untuk memperkenalkan Aristotle kepada Eropah Latin dengan cara menterjemahkan karya Ibn Rusd (Averoes) bukan dari bahasa Greek, tetapi dari bahasa Arab ke bahasa Latin.¹⁶

Antara faktor yang telah berjaya menarik ramai pelajar dari luar khususnya pelajar Kristian dari setiap pelosok Eropah untuk datang ke Sepanyol amnya ialah kerana toleransi agama yang tinggi dan kebebasan sosial dalam yang diamalkan dalam kalangan orang Islam Sepanyol. Ketika ini juga bidang terjemahan semakin berkembang, bilangan penterjemah semakin bertambah. Pada awalnya terjemahan banyak dilakukan dari bahasa Arab ke bahasa Latin dan juga bahasa Hebrew. Seterusnya terjemahan dilakukan dari bahasa-bahasa ini ke bahasa vernacular di seluruh Eropah.

Perpustakaan memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan bidang terjemahan. Perpustakaan banyak dibina oleh golongan pemerintah dan alim ulama. Biasanya perpustakaan dibina bersama dengan masjid atau

sekolah. Di dalam perpustakaan itu dibahagikan kepada beberapa buah bahagian atau ruangan, antaranya ialah bahagian untuk mengulang kaji dan juga bahagian bagi mereka yang ingin menyalin sesuatu dari buku-buku yang terdapat di dalam perpustakaan. Terdapat juga ruangan untuk mendengar muzik bagi tujuan beristirahat. Secara keseluruhan perpustakaan pada zaman ini dilengkapi dengan kemudahan yang banyak dan terbaik. Perpustakaan Ali bin Munjim sebagai contoh juga dikenali sebagai khazanah hikmah. Pelbagai bangsa datang mengunjunginya dan tinggal di sana untuk mempelajari pelbagai bidang ilmu. Perpustakaan tersebut mempunyai pegawai-pegawai yang dipimpin oleh ketua perpustakaan yang juga seorang ulama tersohor ketika itu. Di situ juga ada petugas yang ditugaskan untuk menyerah buku-buku yang dikehendaki oleh pembaca. Penterjemah-penterjemah juga antara mereka yang penting di situ, ditugaskan untuk menterjemah buku-buku asing. Perpustakaan al-Hakam di Andalusia sangat besar dan dikatakan mengandungi 400000 naskhah buku.

Gustave Lebon mengatakan terjemahan buku-buku bangsa Arab (Islam) khususnya buku-buku ilmiah dalam bidang seperti perubatan menjadi sumber bagi pengajaran di kebanyakan perguruan tinggi Eropah selama lima hingga enam abad. Sebagai contoh buku yang ditulis oleh Abu al-Qasim al-Zahrawi al-Andalusi (meninggal 404M) yang mengandungi di dalamnya kaedah dan cara mengubati sesuatu penyakit, pembedahan dan juga cara bagaimana membuat ubat-ubatan. Antara masalah yang dihuraikan dalam buku ini ialah mengenai pembedahan mata, telinga dan mulut. Bukan itu sahaja malahan di dalam buku ini juga dihuraikan kaedah menghancurkan batu dalam pundi-pundi kencing. Secara ringkas buku ini amat menegaskan keperluan kajian tubuh badan atau anatomi.¹⁷ Karya agung Ibn Sina, masih lagi diajar di Montpellier. Ibn Sina yang dikenali sebagai 'Doktor' mempunyai autoriti mutlak terhadap sekolah-sekolah di sana untuk enam abad lamanya. Buku al-Qanun itu sendiri yang terdiri daripada lima bahagian telah diterjemahkan sebanyak dan diulang cetak berulang kali kerana buku tersebut boleh dianggap sebagai asas bagi kajian di universiti-universiti di Eropah. Di dalam buku itu Ibn Sina menghuraikan dengan

jelas tentang bagaimana terjadi denyutan nadi dan hubungannya dengan pelbagai jenis penyakit. Beliau juga menyatakan bahawa ada pertalian antara denyutan nadi yang tidak stabil dengan permasalahan jiwa dan perasaan seseorang. Antara lain Ibn Sina juga menyentuh tentang perihal otak manusia dan bagaimana mengubatnya dengan kaedah rawatan penyejukan. Lebon juga menegaskan bahasa buku-buku terjemahan ini juga menjadi rujukan penting oleh individu-individu hebat seperti Roger Bacon, Leonardo da Vinci, Arnold de Philippe, Raymond Lull, San Thomas, Alberus Magnus dan lain-lain.¹⁸

Sumbangan Ulama Alam Melayu dan Kegiatan Penterjemahan:

Penyebaran agama Islam ke Alam Melayu bukan sahaja memberi impak yang besar dalam kehidupan beragama masyarakat Melayu tetapi juga merubah corak pemikiran dan pandangan hidup mereka melalui budaya ilmu yang diterapkan. Ajaran Islam sentiasa menyarankan agar ilmu dapat disebar luas untuk manfaat manusia sejagat. Memandangkan sumber berkenaan pengetahuan agama Islam sebahagian besarnya terdapat dalam bahasa Arab dan ilmu pengetahuan berkenaan tidak akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh orang Melayu sekiranya dikekalkan di dalam bahasa sumber, maka aktiviti penterjemahan merupakan salah satu cara berdakwah untuk menyebarkan risalah Islam. Ilmu pengetahuan berkenaan perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu kerana pembinaan tamadun ilmu banyak bergantung kepada keupayaan dan kemampuan kita menterjemah hasil keilmuan yang terkumpul dalam bahasa asing agar ilmu berkenaan dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh orang Melayu. Dengan itu, budaya menyalin dan menterjemah karya-karya asing ke dalam bahasa Melayu sudah tidak asing lagi di rantau ini.¹⁹

Ulama Alam Melayu telah memberikan sumbangan penting dalam mewujudkan tradisi keilmuan Islam di rantau ini dengan menterjemah sebahagian besar kitab-kitab agama berbahasa Arab hasil karya ulama-ulama Islam tersohor daripada pelbagai lapangan ilmu ke dalam bahasa Melayu

menggunakan tulisan Jawi. Naskhah terjemahan berkenaan lebih dikenali sebagai kitab Jawi. Sejak dari awal kemasukan Islam ke rantau ini, kitab Jawi merupakan sumber rujukan ilmu pengetahuan agama Islam yang terpenting bagi orang Melayu kerana kebanyakan mereka tidak memahami atau menguasai bahasa Arab dengan baik. Aktiviti penterjemahan tersebut merupakan hasil hubungan intelektual yang terjalin sekian lama antara ulama Alam Melayu dengan ulama Hejaz sewaktu mereka mendalami pengetahuan agama Islam di Hejaz. Aktiviti penterjemahan kitab Jawi berkenaan berkembang pesat berikutan keinginan ulama Alam Melayu untuk memberikan kemudahan kepada orang Melayu kebanyakan yang tidak menguasai bahasa Arab memahami ilmu pengetahuan Islam.²⁰ Perkara ini sering disebut oleh penterjemah di bahagian awal kitab Jawi sepertimana yang tercatat di dalam Kitab *Bidayat al-Hidayah*:

Sungguhnya telah aku melihat pada zaman ini akan orang Jawi daripada kesingkatan ertinya daripada akal pada belajar dengan bahasa Arab maka aku kehendak aku terjemahkan akan karangan Imam yang lebih lagi warak iaitu Abu Abdullah kenihnya, Muhammad namanya, anak Yusuf, Sanusi nama negerinya, Husni bangsanya yang redha Allah daripadanya yang dinamai karangannya iaitu Umm al-Barahin dengan bahasa Jawi serta aku nyatakan maknanya dengan barang yang aku lihat akan dia pada setengah daripada beberapa sharah dan setengah daripada beberapa hashiah dan aku himpulkan kepadanya setengah daripada beberapa faedah yang berkehendak kepadanya kerana memberi manfaat dengan dia segala orang yang baharu belajar dan aku namai akan dia *Bidayat al-Hidayah*.²¹

Kebanyakan kitab Jawi ditulis dan disusun sekitar abad ke-19 dan 20 oleh ulama-ulama Melayu yang datang dari seluruh pelosok Alam Melayu dan negeri kelahiran mereka dikenal pasti melalui gelaran di belakang nama mereka seperti al-Fatani (Patani), al-Falembani (Palembang), al-Funtiyani (Pontianak), al-Bentani (Bentan), al-Marbawi (Lubuk Merbau), dan al-Kelantani (Kelantan).²² Mereka menguasai ilmu pengetahuan agama Islam dengan begitu mendalam hasil pendidikan agama yang diperoleh di pusat-pusat pengajian Islam seperti Kelantan, Patani, dan Aceh sebelum

menyambung pengajian di Tanah Suci Makah bagi satu tempoh waktu yang agak lama. Mereka bukan sahaja membuka pondok-pondok pengajian tetapi juga merupakan pengarang dan penterjemah kitab-kitab agama yang ulung.²³ Terdapat dua jenis kaedah penterjemahan yang sering digunakan oleh para ulama Alam Melayu, iaitu terjemahan bebas dan terjemahan antara baris. Dalam kaedah yang pertama, penterjemah menulis beberapa baris ayat daripada teks Arab diikuti dengan terjemahan dalam bahasa Melayu. Penerangan dan penjelasan tambahan yang dipetik daripada kitab lain berkaitan tajuk yang dibincangkan sering dimasukkan oleh penterjemah menyebabkan jumlah halaman naskhah terjemahan lebih tebal berbanding naskhah asal. Dalam kaedah yang kedua pula, teks Arab diikuti dengan terjemahan dalam bahasa Melayu perkataan demi perkataan. Terjemahan mereka disesuaikan mengikut pengertian mereka sendiri bertujuan untuk memudahkan pemahaman para pembaca khususnya para penuntut. Pada kebiasaannya, tajuk kitab Jawi dikekalkan dalam bahasa Arab tetapi isi kandungannya ditulis dalam bahasa Melayu.²⁴ Dalam tradisi penterjemahan kitab Jawi, kadang kala tajuk naskhah terjemahan tidak menggunakan tajuk asal kitab yang diterjemahkan. Kitab *Umm al-Barahin* karangan Muhammad bin Yusuf al-Sanusi umpamanya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani dan dinamakan *Bidayat al-Hidayah*. Terjemahan kitab *Umm al-Barahin* turut dilakukan oleh Sheikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani dan diberi tajuk baru, iaitu *Aqidat al-Najin*.²⁵

Kitab-kitab Jawi yang dihasilkan oleh ulama-ulama berkenaan berjaya menyelesaikan segala permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu, iaitu kesukaran memahami isi kandungan kitab-kitab agama berbahasa Arab yang kaya dengan perbendaharaan hukum Islam disebabkan oleh gaya bahasa yang sukar untuk difahami oleh orang kebanyakan. Hasil usaha penterjemahan yang dilakukan telah membolehkan kitab-kitab berkenaan ditelaah secara meluas di Alam Melayu tanpa mengurangkan isi kandungannya dan menjejaskan mutu dan keistimewaan kitab-kitab berkenaan sebagai sumber rujukan utama dalam pelbagai bidang

keilmuan Islam. Penterjemahan kitab-kitab berkenaan mencakupi pelbagai lapangan keilmuan Islam termasuk Tasawuf, Fekah, Hadis, Usuluddin, Tafsir dan sebagainya. Usaha yang telah digembelengkan oleh para ulama tersebut berjaya menyemai semangat cintakan agama dan ilmu dalam kalangan masyarakat Melayu.²⁶

Kitab-kitab Jawi yang dihasilkan dikaji dan ditelaah secara meluas di bukan sahaja di Alam Melayu tetapi juga di Makah. Kehebatan dan keunggulan ulama Alam Melayu yang mengajar, mengarang, dan menterjemah kitab-kitab agama di Makah telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di Tanah Suci sekitar abad ke-19 dan 20. Kebanyakan kitab-kitab berkenaan juga digunakan dalam pengajaran di masjid-masjid dan dijadikan buku teks di pondok-pondok pengajian di Malaysia. Antara kitab-kitab Jawi yang menjadi sumber rujukan utama di Malaysia ialah Kitab *Fath al-Mu'in*, *Sharh al-Hikam*, *Bulugh al-Maram*, *Bidayat al-Hidayah* dan banyak lagi.²⁷ Keperluan terhadap kitab-kitab terjemahan untuk dijadikan buku teks telah mendorong Majlis Agama Islam Kelantan menubuhkan unit penterjemahan nya sendiri bagi memenuhi permintaan sekolah-sekolah pondok di bawah pengawasannya.²⁸

Penterjemahan sesuatu teks daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu bukanlah sesuatu perkara yang mudah dilakukan kerana memerlukan penelitian dan pemahaman yang benar-benar jitu yang membolehkan seseorang penterjemah mendalami segala makna yang tersurat dan tersirat. Perkara ini sudah tentu memerlukan penguasaan yang baik dalam kedua-dua bahasa. Seorang penterjemah juga harus mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam dan menyeluruh tentang bidang ilmu sesuatu karya yang diterjemahkan. Dengan kata lain, seorang penterjemah harus mahir dalam bidang yang ingin diterjemahkan. Selain itu, mereka juga perlu memahami kebudayaan dan adat resam penggunaan bahasa sumber dan bahasa sasaran bagi memastikan ketepatan sesuatu hasil terjemahan yang diusahakan.²⁹ Pendekatan, para ulama Alam Melayu telah berjaya memindahkan pelbagai lapangan ilmu pengetahuan agama Islam ke dalam bahasa Melayu dengan cara yang amat berkesan kerana pemahaman mereka yang benar-benar

mendalam tentang bidang ilmu yang diterjemahkan, penguasaan bahasa sumber dan bahasa sasaran yang baik, dan pemahaman budaya bahasa yang diterjemahkan.³⁰

Bidang penterjemahan bukan sekadar menyumbang kepada pembinaan tamadun ilmu dan pemindahan ilmu pengetahuan daripada satu bangsa kepada satu bangsa yang lain tetapi juga turut mewujudkan pelbagai bentuk laras bahasa, sekali gus memperkaya khazanah perbendaharaan kosa kata bahasa Melayu.³¹

Kesimpulan

Bidang penterjemahan telah memberi satu sumbangan yang besar terhadap pertumbuhan ilmu sains dalam masyarakat Islam terutama apabila wujudnya interaksi antara pemikiran Islam dan warisan dari tamadun-tamadun asing seperti tamadun Greek dan Yunani, begitu juga dari China dan India. Daripada sumber-sumber asing inilah para penterjemah telah berusaha memindahkan ilmu melalui proses penterjemahan secara mendalam ke dalam bahasa Arab, yang merupakan bangsa ibunda bangsa Arab dan menjadi bahasa komunikasi penting pada waktu itu. Bukan itu sahaja usaha yang hebat juga dilakukan untuk mempelajari bahasa asal, agar terjemahan dapat dilaksanakan. Untuk memastikan usaha seperti tersebut berjaya, pelbagai pihak memainkan peranannya, sama ada dari bangsa Arab itu sendiri, bahkan dari mereka yang bukan berbangsa Arab. Perkara yang membantu dalam menjayakan usaha tersebut ialah sifat keterbukaan yang ada pada masyarakat ketika itu terhadap nilai-nilai baik dari warisan dan tamadun asing.³² Tidak dapat dinafikan bahawa semangat menterjemah juga mempunyai kaitan yang rapat dengan seruan Al-Quran sentiasa menggesa umat Islam untuk meneliti kejadian alam dan menyelidiki segala rahsianya. Usaha tersebut juga mendapat sokongan yang padu dari golongan pemerintah yang mempunyai minat yang tinggi dan secara tidak langsung telah mendorong pencapaian objektif usaha tersebut. Secara ringkas kejayaan umat Islam khususnya pada zaman kegemilangan Islam Andalusia dan tidak kurang juga pada zaman kegemilangan

Islam di Alam Melayu memang banyak bergantung pada bidang terjemahan.

Justeru dalam konteks Malaysia hari ini, usaha yang bersungguh perlu diadakan untuk memperkasakan bidang terjemahan agar segala ilmu sains dan teknologi yang ada pada hari ini mudah untuk difahami dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat tempatan melalui penggunaan bahasa ibunda nya, dan tidak perlu bersusah untuk memahaminya dalam bahasa asing. Hal in demikian kerana melalui penguasaan ilmu sains dan teknologi maka hasrat melahirkan sebuah tamadun yang beracukan sendiri, iaitu Tamadun Malaysia, akan menjadi kenyataan. Hal ini juga dianggap penting sebagai usaha untuk menjamin kelestarian bangsa Melayu sebagai bangsa berilmu terutama dalam dunia yang berada di perkampungan tanpa sempadan, di bawah ancaman badai globalisasi.

Nota Hujung

- ¹ Artikel ini telah diubahsuai dari kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Terjemahan Antarabangsa yang diadakan di Park Royal Hotel, Pulau Pinang pada 18-20 Ogos 2009.
- ² Ilmu yang secara langsung diperoleh daripada pengajaran Islam pada dasarnya bersumberkan wahyu sedangkan ilmu bahasa bersumberkan masyarakat Arab sendiri. Manakala ilmu warisan tamadun manusia diperoleh hasil dari perhubungan masyarakat Islam dengan du\`nia luar. Lihat Mahmood Zuhdi Ab Majid, 2003, *Tokoh-Tokoh Kesarjanaan Sains Islam*, DBP, K. Lumpur.
- ³ Al-Quran dan Terjemahannya, hal 100.
- ⁴ Ibn Muqaffa juga terkenal dengan kunyah (gelaran) Abu Amru sebelum beliau memeluk agama Islam. Setelah memeluk agama Islam gelaran beliau ditukar kepada Abu Muhammad.
"Sesiapa yang mengharapkan pembalasan daripada sesama manusia kerana sesuatu kebaikan yang dilakukan, maka sesungguhnya dia tidak akan mendapat apa-apa kerana ia mengharapkan pembalasan dari manusia bukan dari Allah", lihat Osman Haji Khaled, 1997, hal. 194.

- 5 Al-Siba'I Bayumi, *Tarikh al-Adab al-Arabi*, Jil. III, hal. 211. Dipetik dari Osman Haji Khaled, 1997, *Kesusasteraan Arab Zaman Abbasiyah, Andalusi dan Zaman Moden*, hal. 193.
- 6 Untuk memasukkan cita rasa Islam, Ibn Muqaffa juga telah menambah beberapa bahagian baru dalam terjemahannya, seperti ungkapannya, "Hanya Allah sahaja yang membalas kebaikan dengan kebaikan dan ihsan dengan ihsan" juga ungkapan seperti "Sesiapa yang mengharapkan pembalasan daripada sesama manusia kerana sesuatu kebaikan yang dilakukan, maka sesungguhnya dia tidak akan mendapat apa-apa kerana ia mengharapkan pembalasan dari manusia bukan dari Allah", lihat Osman Haji Khaled, 1997, hal. 194
- 7 Umar Farrukh, 272, dipetik dari Mahmood Zuhdi, 2003, hal. 18.
- 8 Hasil penulisan beliau sangat banyak dan dikatakan hampir berjumlah dua ratus tujuh puluh buah.
- 9 Umar Furrukh, 1983, *Tarikh al-Fikr al-Arabi*, edisi ke-4, Beirut: Dar al-'Ilm al-Malayin, hal. 2-, dipetik dari Mahmood Zuhdi, 2003, hal.17.
- 10 Ibid, hal. 19.
- 12 Karya tersebut juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Eropah yang lain seperti bahasa Inggeris, Perancis, Jerman dan Belanda. Mereka bukan hanya menterjemah, tetapi menghayati kandungan yang ada padanya sehinggalah terhasilnya buku Hayy Ibn Yaqzan dengan versinya mereka yang dikenali sebagai Robinson Crusoe. Lihat Mahayudin Haji Yahya, 2009, *Sejarah Politik dan Sosiobudaya Masyarakat Islam*, DBP, Kuala Lumpur, hal. 339.
- 13 Maria Rosa Menocal, *The Culture of Translation*, pg 4.
- 14 Al-Khawarizmi, 1937, *al-Jabar wa al-Muqabalah*, Ali Mustafa Musyrifah dan Mursi Ahmad (penyunting), Kaherah, *al-Jamiah al-Misriyah*, hal. 21, dipetik dari Mahmood Zuhdi, 2003, hal. 25.
- 15 Ibid.
- 16 Dato' Dzulkifli Abd Razak, *New Sunday Times*, 24 July 2005
- 17 G. Lebon (terj.), 1964, *Hadharat al-Arab*, Kaherah, al-Halabi, dipetik dari Mahmud Zuhdi, 2003.

- ¹⁸ Musthafa Husni As-siba'I, 2002, *Khazanah Peradaban Islam*, Pustaka Setia, Bandung, hal. 42. Pengarang juga menegaskan bahawa Monsiuer Renan menyatakan bahawa Albertus Magnus adalah pengikut Ibnu Sina, manakala San Thomas mengikut pandangan falsafah Ibn Rushd.
- ¹⁹ Abdul Rahim Abu Bakar, "Pembinaan Tamadun Ilmu dan Penterjemahan". Kertas kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-3, Kuala Lumpur, 27-29. Ogos 1991, hlm. 13 dan Sohair Moneim Sery, "Terjemahan Bahasa Arab ke Bahasa Malaysia". Kertas kerja *Persidangan Penterjemahan Rantau Asia Pasifik*, Kuala Lumpur, 22-24 Ogos 1986, hlm. 2.
- ²⁰ Lihat Oman Fathurahman, "Penulis dan Penerjemah Ulama Palembang: Menghubungkan Dua Dunia". Paper presented in *International Workshop on History of Translation in Indonesia and Malaysia (Project of Association Archipel)*, Paris, 1-5 April 2002. Kertas kerja ini boleh dilayari di <http://melayuonline.com/article/?a=SG1QL3FMZVZBUkU4Ng%3D%3D=&l=penulis-dan-penerjemah-ulama-palembang-menghubungkan-dua-dunia>.
- ²¹ Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, *Bidayat al-Hidayah*, Singapura/Jeddah: Percetakan al-Maarif Sdn. Bhd., t.t., hlm. 2.
- ²² Mohd. Nor bin Ngah, *Kitab Jawi*, hlm. 1.
- ²³ Abdul Halim Ahmad, "Pendidikan Islam di Kelantan", dalam Khoo Kay Kim, (ed.) *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1985, hlm. 9 dan 11.
- ²⁴ Oman Fathurahman, "Penulis dan Penerjemah Ulama Palembang".
- ²⁵ Lihat Mohd. Nor bin Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Muslim Scholars*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1983, hlm. 2 dan Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, *Aqidat al-Najin fi Ilm Usul al-Fiqh*, Thailand: Matbaah Halabi, t.t., hlm. 2-3.
- ²⁶ Abdul Halim Ahmad, "Pendidikan Islam di Kelantan", hlm. 14 dan Muhammad Uthman al-Muhammadi, *Fath al-Mu'in Terjemahan dan Huraiannya*, Kelantan: Majlis Agama Islam

- dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1997, Jld. 1, hlm. III-IV.
- ²⁷ Lihat Rahim bin Abdullah, "Pelajaran Pondok di Kelantan" dalam *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1983, hlm. 15-17 (Lampiran B) dan Abdullah Alwi Haji Hassan, "The Development of Islamic Education in Kelantan", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 200-201 nota 88
- ²⁸ Abdullah Alwi Haji Hassan, "The Development of Islamic Education in Kelantan", hlm. 196-197 dan Nik Mohamed bin Nik Mohd Sallah, "Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan", dalam *Warisan Kelantan IV*, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1985, hlm. 110.
- ²⁹ Sohair Moneim Sery, "Terjemahan Bahasa Arab ke Bahasa Malaysia", hlm. 7.
- ³⁰ Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Politik dan Sosiobudaya Masyarakat Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, hlm. 342.
- ³¹ Abdul Rahim Abu Bakar, "Pembinaan Tamadun Ilmu dan Penterjemahan", hlm. 13.
- ³² Islam mengumpamakan ilmu sebagai padang ragut awam yang mana sesiapa sahaja bebas untuk memperolehnya. Mahmood Zuhdi Ab Majid, 2003, *Tokoh-Tokoh Kesarjanaan Sains Islam*, DBP, Kuala Lumpur, hal. 151.

Rujukan

- Abdul Halim Ahmad, "Pendidikan Islam di Kelantan", dalam Khoo Kay Kim, (ed.) *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1985.
- Abdul Rahim Abu Bakar, "Pembinaan Tamadun Ilmu dan Penterjemahan". Kertas kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-3, Kuala Lumpur, 27-29 Ogos 1991.
- Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, *Bidayah al-Hidayah*, Singapura/Jeddah: Percetakan al-Maarif Sdn. Bhd., t.t.
- Dato Dzulkifli Abd Razak, *New Sunday Times*, 24 July 2005.

- Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Politik dan Sosiobudaya Masyarakat Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Mohd. Nor bin Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Muslim Scholars*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1983.
- Muhammad Uthman al-Muhammadi, *Fath al-Mu'in Terjemahan dan Huraiannya*, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1997, Jld. 1.
- Nik Mohamed bin Nik Mohd Sallah, "Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan", dalam *Warisan Kelantan IV*, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1985.
- Musthafa Husni As-siba'I, 2002, *Khazanah Peradaban Islam*, Pustaka Setia, Bandung.
- Mahayudin Haji Yahya, 2009, *Sejarah Politik dan Sosiobudaya Masyarakat Islam*, DBP, Kuala Lumpur.
- Maria Rosa Menocal, *The Culture of Translation*, <http://www.wordswithoutborders.org/articles.php?lab=Culture> [Diakseskan pada 25 Mei 2009]
- Mahmood Zuhdi Ab Majid, 2003, *Tokoh-Tokoh Kesarjanaan Sains Islam*, DBP, Kuala Lumpur.
- Osman Haji Khaled, 1997, *Kesusasteraan Arab Zaman Abbasiyah, Andalus dan Zaman Moden*, DBP, Kuala Lumpur.
- Oman Fathurahman, "Penulis dan Penerjemah Ulama Palembang: Menghubungkan Dua Dunia". Paper presented in *International Workshop on History of Translation in Indonesia and Malaysia (Project of Association Archipel)*, Paris, 1-5 April 2002. <http://melayuonline.com/article/?a=SG1QL3FMZVZBUkU4Ng%3D%3D=&l=penulis-dan-penerjemah-ulama-palembang-menghubungkan-dua-dunia>.